

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

1. Huraikan pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri terkini.
 - (a) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri bagi tahun 2025?
 - (b) Huraikan penjimatan perbelanjaan yang telah dilakukan untuk mengurangkan defisit.
 - (c) Nyatakan jumlah terkini Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. (a) Kerajaan Negeri telah merangka beberapa langkah untuk meningkatkan hasil serta pendapatan Kerajaan Negeri bagi tahun 2025 susulan pelaksanaan bengkel peningkatan hasil negeri yang telah diadakan pada bulan Ogos yang lalu. Beberapa cadangan tersebut selanjutnya telah diperhalusi pada peringkat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kewangan yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri. Antara langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2025 adalah meningkatkan hasil bukan cukai, terutamanya yang melibatkan bayaran premium pajakan dan tebus guna tanah, hasil lelongan tanah yang dirampas oleh Kerajaan Negeri, fi permohonan dan fi kelulusan/levi bagi perolehan hartanah oleh bukan warganegara atau syarikat asing dan bayaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS). Selain itu, setiap jabatan/agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dengan kutipan hasil telah memulakan usaha untuk menyemak semula kadar caj sedia ada, terutama caj-caj yang telah lama tidak disemak

dan tidak lagi relevan dengan kos semasa. Pada masa yang sama, beberapa Anak Syarikat Kerajaan (GLC) Negeri telah diminta supaya mengkaji keperluan untuk menjana hasil sendiri bagi mengurangkan kebergantungan fiskal kepada Kerajaan Negeri.

- (b) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk menjimatkan perbelanjaan sebagai inisiatif mengurangkan defisit tahun 2024 dengan pelaksanaan penjajaran semula bajet 2024. Dengan kaedah ini, beberapa Objek Sebagai (OS) perbelanjaan tidak berkanun seperti berikut:
- (i) Pengurangan sebanyak 15% ke atas peruntukan Elaun Lebih Masa (OS14000);
 - (ii) Pengurangan sebanyak 25% ke atas peruntukan Bayaran Imbuan Tahunan (OS17000);
 - (iii) Pengurangan sebanyak 15% ke atas peruntukan Tuntutan Perjalanan (OS21000);
 - (iv) Pengurangan sebanyak 15% ke atas peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain (OS27000);
 - (v) Pengurangan sebanyak 10% ke atas perbelanjaan Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain, kecuali yang melibatkan komitmen berkontrak (OS29000);
 - (vi) Pengurangan sebanyak 30% ke atas harta modal (OS35000); dan
 - (vii) Pengurangan sebanyak 5% ke atas peruntukan pembangunan negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri cakna saranan YAB Perdana Menteri Malaysia agar delegasi Kerajaan Negeri ke luar negara dikawal dan dihadkan berdasarkan keperluan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri berusaha seboleh mungkin untuk mengurangkan kos perbelanjaan penganjuran program dan majlis-majlis rasmi pada nilai yang optimum. Jabatan/agensi Kerajaan Negeri juga digalakkan supaya melaksanakan program di premis-premis Kerajaan seperti Institusi Latihan

Awam (ILA). Sekiranya terdapat keperluan untuk melaksanakan program di hotel, jabatan/agensi Kerajaan Negeri tertakluk kepada pematuhan had nilai yang digariskan oleh Surat Pekeliling Kewangan Negeri yang sedang berkuat kuasa. Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri dijangka mengambil pendekatan yang sama, bergantung kepada penjanaan hasil semasa negeri berbanding komitmen perbelanjaan.

- (c) Kedudukan terkini Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sehingga 30 Oktober 2024 adalah sebanyak RM258,059,981.66 ketimbang RM330,034,947.17 pada 1 Januari 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

2. Huraikan kadar cukai tanah semasa dan hasil kutipan bagi tahun 2024 dan 2025.
 - (a) Apakah status kajian semula kadar cukai tanah?
 - (b) Huraikan hasil bukan cukai bagi tahun 2024 dan 2025.
 - (c) Huraikan penjualan tanah Kerajaan Negeri kepada swasta sejak tahun 2018.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Di Negeri Pulau Pinang, kadar cukai tanah yang dikenakan adalah berdasarkan kadar-kadar di dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2021. Kadar cukai tanah ditentukan dengan kegunaan tanah, lokaliti dan luas tanah tersebut. Hasil kutipan cukai dari Januari 2024 sehingga Oktober 2024 adalah sebanyak RM139,630,971.24 dan anggaran kutipan cukai bagi tahun 2025 adalah RM175,794,214.81.
 - (a) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada 20 Mac 2024 telah bersetuju meluluskan cadangan semakan cukai tanah selaras dengan Seksyen 101(5) (b) Kanun Tanah Negara (KTN). Kali terakhir kadar cukai tanah ini disemak ialah pada tahun 1994 (warta Pg.P.U.18-28 April 1994) dan dilaksanakan pada 1 Januari 1996. Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP) bersama dengan semua Pejabat Daerah dan Tanah kini sedang dalam proses untuk mengenal pasti cadangan-cadangan kadar cukai tanah baru dan akan dibentangkan kepada PBN pada bulan November 2024. Kerajaan Negeri

bercadang untuk kadar cukai tanah yang baharu berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 selepas ianya diwartakan.

- (b) Hasil negeri diukur berdasarkan kutipan sebenar hasil Kerajaan Negeri merangkumi Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil untuk Negeri Pulau Pinang. Berikut ialah huraian kepada Hasil Bukan Cukai bagi tahun 2024 dan 2025:

PERIHAL	2024 (BERDASARKAN HASIL SEBENAR) - SEHINGGA OKTOBER 2024 - (RM JUTA)	2025 (BERDASARKAN ANGGARAN) (RM JUTA)
Lesen Bayaran Pendaftaran Dan Permit	95,792,419.77	113,539,848.00
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	70,396,465.78	55,302,303.00
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	140,109,657.98	114,061,620.00
Sewaan	6,981,437.47	224,744,155.00
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	57,577,080.21	53,161,000.00
Denda Dan Hukuman	4,696,961.67	9,603,781.00
Sumbangan Dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri Dan Sumbangan Tempatan	0.00	0.00
JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI	375,554,022.88	570,412,707.00

- (c) Kerajaan Negeri tidak menjalankan penjualan bagi tanah milik Kerajaan Negeri. Sebaliknya, tanah milik Kerajaan Negeri hanya dilupuskan melalui kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah meluluskan pelupusan melalui pemberimilikan tanah bagi tempoh 2018 sehingga kini sebanyak 694 permohonan. Perincian mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Timur Laut	141
2.	Barat Daya	140
3.	Seberang Perai Utara	42
4.	Seberang Perai Tengah	184
5.	Seberang Perai Selatan	187
JUMLAH KESELURUHAN		694

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

3. Huraikan dividen atau sumbangan kewangan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) kepada Kerajaan Negeri.
 - (a) Nyatakan dividen dan keuntungan daripada saham-saham pegangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2025.
 - (b) Huraikan pendapatan dan perbelanjaan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) bagi tahun 2024 dan 2025.
 - (c) Huraikan projek-projek CMI yang dalam pelaksanaan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri menyalurkan geran secara tahunan kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) bagi membantu pengurusan operasi GLC Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang dividen ataupun sumbangan kewangan daripada GLC Negeri memandangkan GLC Negeri tidak berorientasikan keuntungan dan bertujuan untuk meningkatkan aktiviti sosioekonomi negeri.
 - (a) Kerajaan Negeri mempunyai pegangan saham dalam beberapa Syarikat Tersiar Harga. Kedudukan pegangan saham tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Walau bagaimanapun, GLC di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) tidak memperoleh dividen atau keuntungan daripada pegangan saham Kerajaan Negeri. Ini kerana tujuan utama GLC tersebut adalah untuk menyokong aktiviti sosioekonomi negeri dan bukan berasas untuk mendapatkan keuntungan.

- (b) Pendapatan CMI diperoleh melalui sewaan atau pajakan tanah dan bangunan yang digunakan untuk pelbagai projek termasuk perumahan, pertanian, Rumah Ibadat Bukan Islam, kemudahan awam, produk pelancongan, telekomunikasi dan pembangunan komersial. Bagi tahun 2024, pendapatan CMI adalah sebanyak RM5.56 juta (sehingga 30 Oktober 2024), manakala anggaran pendapatan untuk tahun 2025 adalah RM10.35 juta.
- (c) Projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan oleh CMI adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**LAPORAN KEDUDUKAN SAHAM SYARIKAT TERSIAR HARGA
SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2024**

KOD HASIL : H0275202

BIL.	KOD	SAHAM	KUANTITI SAHAM (UNIT)	HARGA SEUNIT SAHAM (BELIAN) (RM)	JUMLAH KOS (RM)	HARGA PASARAN (SEUNIT) 30/09/2024 (RM)	JUMLAH NILAI PASARAN (RM)	KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) <i>UNREALISED</i> [*] (RM)	BROKER SAHAM
1	5681	PETRONAS DAGANGAN BHD	2,000,000	1.40	2,800,000.00	17.86	35,720,000.00	32,920,000.00	MAYBANK INVESTMENT
2	5347	TENAGA NASIONAL BHD	2,500,000	3.60	9,000,000.00	14.44	36,100,000.00	27,100,000.00	
		TENAGA NASIONAL BHD (BONUS ISSUE)	475,000	0.00	0.00	14.44	6,859,000.00	6,859,000.00	
3	4863	TELEKOM MALAYSIA BHD	1,900,000	3.67	6,973,000.00	6.72	12,768,000.00	5,795,000.00	
4	6888	AXIATA (TMI) ** BHD	1,950,000	0.00	0.00	2.52	4,914,000.00	4,914,000.00	
5	5014	MALAYSIA AIRPORT BHD ****	4,950,000	2.50	12,375,000.00	10.46	51,777,000.00	39,402,000.00	
6	5041	PBA HOLDINGS BHD ***	182,050,002	0.95 / 0.94937584312	172,833,873.19	2.38	433,279,004.76	260,445,131.57	AFFIN HWANG CAPITAL
JUMLAH KESELURUHAN			195,825,002		203,981,873.19	*harga sebagaimana dalam penyata akaun <i>Trading/CDS</i>	581,417,004.76	377,435,131.57	

CATITAN ** Pegangan saham dalam syarikat **Axiata Bhd. (dahulunya TMI Bhd)** diperoleh melalui agihan dividen secara *dividend in specie* dari pegangan saham dalam Telekom Malaysia (TM) Bhd. TM Bhd dalam tahun 2008 telah membuat agihan saham TMI bernilai RM1.00 setiap satu kepada pemegang-pemegang sahamnya (1 saham TMI untuk setiap 1 saham biasa bernilai RM1 setiap satu yang dipegang dalam TM Bhd.)

*** Kuantiti jumlah terkumpul 182,050,001 *ordinary shares* dan 1 *preference share* pegangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas saham PBA, selepas PBAHB disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia. Jumlah kos terlibat bagi pegangan ini iaitu RM172,833,873.19 adalah berdasarkan nilai buku keseluruhan unit saham, pada nilai RM 0.95 sen sesaham (harga diskaun kepada Kerajaan Negeri)

LAMPIRAN B

Projek Pembangunan di bawah CMI yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Projek Pembangunan
1.	Projek Pembangunan Gurney Bay Fasa 2
2.	Penyediaan Pelan Induk Penang Bay
3.	Projek Penempatan Semula Sekolah, Kuil Dan Rumah Ladang Byram Di SPS, Pulau Pinang
4.	Projek Pembinaan Bangunan Pusat Arkeologi Guar Kepah Di SPU, Pulau Pinang
5.	Pembangunan Badminton Akademi Di DTL, Pulau Pinang
6.	Pembangunan Semula Astaka Bayu Senja Di DTL, Pulau Pinang
7.	Projek Pembangunan Fern Hill Research Centre, Di DTL, Pulau Pinang
8.	Projek Pembangunan 321-Unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Sandiland Foreshore, Pulau Pinang.
9.	Projek Pembangunan 205-Unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Di Atas PT 4114, Mukim 13, DTL (Patsifit Construction)
10.	Projek Pembangunan Perumahan Grace Harmony Di Bandar Jelutong, DTL, Pulau Pinang
11.	Projek Pembangunan Taman Kalidonia Indah Fasa 2 Di SPS, Pulau Pinang
12.	Projek Penyediaan Semula Dan Konservasi Parit Kubu (Moat) Serta Pembangunan Semula Astaka Kota Selera (Pusat Penjaja), Kota Cornwallis, George Town Pulau Pinang
13.	Projek Pembangunan Hotel Crag, Bukit Bendera, Pulau Pinang
14.	Projek Pembangunan Hab Education City Di Lot 10317, Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau
15.	Kerja-Kerja Penyediaan Pameran (Muziologi) Di Ruang Simpanan (Storeroom), Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang
16.	Cadangan Pembangunan Satu (1) Unit Feri Pulau Angsa Untuk Dijadikan Produk Pelancongan
17.	Pembangunan Semula Dewan Sri Pinang (DSP), George Town, Pulau Pinang

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

4. Huraikan sumbangan Kerajaan Negeri kepada Penang FC (PFC) sejak penubuhan.
- (a) Nyatakan sumbangan kewangan pihak-pihak swasta kepada PFC sejak penubuhan.
 - (b) Jelaskan perbelanjaan emolumen pengurusan, kejurulatihan dan pemain bagi tahun 2024 dan 2025.
 - (c) Nyatakan perbelanjaan tahunan selain emolumen dan gaji.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Sumbangan Kerajaan Negeri kepada Penang FC (PFC) sejak ianya ditubuhkan pada 21 September 2020 adalah dalam bentuk peruntukan untuk pengoperasian PFC. Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang FC Sdn. Bhd. dari tahun 2021 hingga 2024 adalah seperti berikut:
- (i) Tahun 2020 - RM0.00
 - (ii) Tahun 2021 - RM8,855,026.00
 - (iii) Tahun 2022 - RM11,000,000.00
 - (iv) Tahun 2023 - RM13,700,000.00
 - (v) Tahun 2024 - RM8,000,000.00

- (a) Sumbangan kewangan daripada pihak-pihak swasta kepada PFC sejak penubuhan adalah seperti berikut:
- (i) Tahun 2020 - RM0.00
 - (ii) Tahun 2021 - RM2,685,722.00
 - (iii) Tahun 2022 - RM2,285,783.00
 - (iv) Tahun 2023 - RM1,929,900.00
 - (v) Tahun 2024 - RM494,768.00
- (b) Perbelanjaan emolumen pengurusan, kejurulatihan dan pemain bagi tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (c) Perbelanjaan tahunan selain emolumen dan gaji adalah kos pentadbiran/operasi/pengurusan, kos program/aktiviti dan lain-lain kos seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A**PERBELANJAAN EMOLUMEN
PENGURUSAN, KEJURULATIHAN DAN PEMAIN
BAGI TAHUN 2024 DAN 2025**

BIL.	PERKARA	TAHUN	
		2024	2025
		RM	RM (Anggaran)
1.	Perbelanjaan emolumen pengurusan	901,767.00	898,680.00
2.	Perbelanjaan kejurulatihan	1,856,666.00	1,945,522.00
3.	Perbelanjaan pemain	6,013,224.00	7,688,971.00
Jumlah		8,771,657.00	10,533,173.00

PERBELANJAAN TAHUNAN SELAIN EMOLUMEN DAN GAJI

Perbelanjaan tahunan selain emolumen dan gaji adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Tahun				
		2021	2022	2023	2024 (Sehingga 31 Okt 2024)	2025 (Anggaran)
		RM	RM	RM	RM	RM
1.	Kos pentadbiran / operasi / Pengurusan	1,230,387.00	1,689,619.00	1,315,764.00	1,238,292.00	818,200.00
2.	Kos program / aktiviti	1,815,849.00	1,622,177.00	2,167,969.00	2,036,906.00	1,908,400
3.	Lain-lain kos	219,985.00	217,528.00	223,023.00	164,635.00	136,040.00
	Jumlah	3,266,221.00	3,529,324.00	3,706,756.00	3,439,833.00	2,862,640.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

5. Huraikan prestasi PBA Holdings selepas kenaikan tarif air.
- (a) Huraikan pelaksanaan projek kejuruteraan bekalan air utama pada tahun 2024 dan 2025.
 - (b) Huraikan unjuran dana untuk melaksanakan projek kejuruteraan bekalan air utama pada lima tahun akan datang.
 - (c) Huraikan status Projek Air Perak-Pulau Pinang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Terdapat peningkatan kepada prestasi keuntungan (selepas cukai) PBA Holdings sebanyak RM56.6 juta selepas kenaikan tarif air baharu sehingga 30 September 2024 sekiranya dibandingkan pada tahun 2023. Jumlah keuntungan selepas cukai Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

Keuntungan Selepas Cukai	2023	2024 (sehingga 30 September 2024)
	RM34.4 juta	RM91.0 juta

PBAPP akan menggunakan dana dalaman ini dan pembiayaan daripada penerbitan sukuk untuk membiayai projek-projek Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030), *Non-revenue Water* (NRW) serta baik pulih loji pembersihan air, reservior, stesen pam dan lain-lain projek.

- (a) Pelaksanaan projek kejuruteraan bekalan air utama pada tahun 2024 dan 2025 melalui Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030) adalah seperti berikut:

No.	Projek	Status kemajuan	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1	Bukit Panchor DAF (dissolved air flotation) WTP	Siap dan beroperasi sejak Disember 2023.	10	18.6
2	Pakej 12A Unit Proses, LRA Sg Dua	Siap ditauliahkan pada September 2024	114	31
3	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0km dari LRA Sungai Dua ke Butterworth (Seberang Perai)	Dalam proses reka bentuk.		128
4	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar (Pulau Pinang)	Dalam proses reka bentuk. Dijangka diiklankan tender pada Februari 2025.		44
5	LRA Mengkuang Park	PBAPP telah mengiklankan tender untuk pembinaan LRA Mengkuang Park ini secara terbuka pada 1 November 2024.	114	120
6	LRA Sg Kerian	Dalam proses penyediaan tender untuk kerja – kerja pembinaan.	114	171

		Dijangka diiklan pada bulan Januari 2025		
7	Skim Bekalan Air Sg Perai	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk reka bentuk dan pembinaan LRA.	136	500
8	LRA Sg Muda	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk reka bentuk dan pembinaan LRA.	114	171
JUMLAH				1,183.6

- (b) Unjuran dana untuk melaksanakan projek kejuruteraan bekalan air utama pada lima tahun akan datang melalui pelan WCP 2030 adalah anggaran sebanyak RM1.5 bilion dengan perincian kos seperti berikut:

No.	Projek	Tarikh jangkaan siap	Kos projek (RM juta)
1	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0km dari LRA Sungai Dua ke Butterworth (Seberang Perai)	2026	128
2	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumber (Pulau Pinang)	2025	44
3	LRA Mengkuang Park	2028	120
4	LRA Sg Kerian	2028	171
5	Skim Bekalan Air Sg Perai	2031	588
6	LRA Sg Muda	2031	435
JUMLAH			1,486

- (c) Kerajaan Negeri telah menerima draf surat hasrat daripada Kerajaan Negeri Perak susulan mesyuarat yang telah diadakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 Ogos 2024 berkenaan hasrat kerjasama antara Kerajaan Negeri Perak dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Skim Penjualan Air Terawat dari Negeri Perak ke Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan draf surat balas hasrat tersebut kepada Kerajaan Negeri Perak di mana salah satu hasrat utama adalah kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam menyegerakan pelaksanaan Skim Penjualan Air Terawat Dari Negeri Perak Ke Negeri Pulau Pinang melalui usaha bersepadu kedua-dua negeri bagi mendapatkan kelulusan serta pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan supaya kerja-kerja awalan projek ini dapat dimulakan selewat-lewatnya pada tahun 2025. Perkara ini juga telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui ucapan Belanjawan Madani Ketiga Tahun 2025 telah meluluskan projek Penyaluran Air Mentah Sungai Perak untuk bekalan air di kawasan Utara Perak dan Pulau Pinang sebagai salah satu projek berkepentingan rakyat serta kemudahan yang menyokong kawasan perindustrian Kerian *Integrated Green Industrial* Perak (KIGIP).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

6. Huraikan struktur organisasi dan fungsi PBA Holdings Berhad, PBAPP, PBA Resources Sdn. Bhd. dan PBAGT.
- (a) Nyatakan jumlah pekerja dan emolumen bulanan bagi setiap syarikat berkenaan.
- (b) Nyatakan jumlah lori tanker dan pemandu yang dimiliki PBAPP.
- (c) Huraikan status projek mini-hydro plant dan solar power farm oleh PBAGT.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Struktur organisasi dan fungsi PBA Holdings Berhad, PBAPP, PBA Resources Sdn. Bhd. dan PBAGT termasuk jumlah pekerja dan emolumen bulanan bagi setiap syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

	Dimiliki oleh PBAHB (%)	Fungsi	Jumlah Pekerja	Emolumen/Bulan (RM'000)
PBA Holdings Berhad (PBAHB)	-	Syarikat Investment Holding	Tiada	-

	Dimiliki oleh PBAHB (%)	Fungsi	Jumlah Pekerja	Emolumen/Bulan (RM'000)
PBAPP (anak syarikat PBAHB)	100%	Pembekal air yang terlibat dalam pengabstrakan air mentah dan bekalan air terawat kepada pengguna. Syarikat ini diregulasikan oleh SPAN.	1506	10,249
PBA Resources Sdn Bhd (anak Syarikat PBAHB)	100%	Menyediakan kemudahan latihan, pendidikan dan lain-lain aktiviti yang tidak berkaitan dengan perniagaan air.	3	19
PBAGT (anak syarikat PBAHB)	100%	Tidak aktif	Tiada	Tiada

Sumber : Laporan Tahunan PBAHB 2023

- (b) Jumlah lori tangki yang dimiliki oleh PBAPP adalah sebanyak 10 buah sahaja dan PBAPP tidak mempunyai pemandu yang khusus untuk memandu lori tangki.
- (c) PBAGT tidak mempunyai projek mini-hydro plant dan solar power farm di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pihak PBAPP telah mengambil inisiatif melaksanakan projek pemasangan sistem solar di atas Kolam Takungan R2 dan R3 di Bukit Dumar dengan kapasiti 1.5MWp dan telah beroperasi sejak Ogos 2020. Sistem solar ini membekalkan tenaga elektrik kepada Rumah Pam Bukit Dumar 1 dan 2 walaupun tidak sepenuhnya di bawah penyeliaan PBAPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

7. Jelaskan tahap air tanpa hasil (NRW) Pulau Pinang semasa dan anggaran jumlah kehilangan air tahunan.
- (a) Huraikan langkah-langkah mengurangkan tahap NRW.
 - (b) Huraikan projek-projek penukaran paip air untuk tahun hadapan.
 - (c) Apakah perancangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk meningkatkan pengumpulan dana selain melalui kenaikan tarif air?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Tahap air tanpa hasil (NRW) semasa di Pulau Pinang adalah sebanyak 26.8% (321JLH) bagi tahun 2023 dan kadar NRW tersebut adalah antara yang terendah di Malaysia berbanding kadar nasional iaitu 34.6%.
- (a) PBAPP telah mengambil langkah-langkah mengurangkan tahap NRW seperti berikut:
 - (i) Program penggantian paip yang melebihi jangka hayat;
 - (ii) Program pengurusan tekanan;
 - (iii) Program penukaran meter bagi mengurangkan *commercial loss*; dan
 - (iv) Pemasangan *District Metered Area*

- (b) PBAPP telah mensasarkan sebanyak 84 projek akan dijalankan pada tahun 2025 sehingga 2027 di bawah 15 pakej yang akan melibatkan anggaran kos sebanyak RM155 juta. Projek-projek yang terlibat mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan Projek
Daerah Timur Laut	14
Barat Daya	12
Seberang Perai Utara	15
Seberang Perai Tengah	21
Seberang Perai Selatan	22
JUMLAH	84

- (c) Perancangan PBAPP untuk meningkatkan pengumpulan dana selain daripada kenaikan tarif air adalah melalui pembiayaan sukuk pada tahun 2025 untuk membiayai projek-projek di bawah CAPEX.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

8. Huraikan pendapatan dan perbelanjaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tahun semasa.
- (a) Nyatakan jumlah harta baru yang mula dikenakan cukai taksiran pada tahun 2024.
 - (b) Huraikan impak senarai nilai baru 2025 kepada pendapatan MBSP.
 - (c) Nyatakan jumlah tunggakan cukai taksiran semasa dan huraikan tindakan tuntutananya.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pendapatan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah merangkumi hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil manakala perbelanjaan MBSP pula melibatkan perbelanjaan belanja mengurus, perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan harta modal. Pendapatan dan perbelanjaan MBSP tahun semasa (sehingga 22 Oktober 2024) adalah seperti berikut:

Perkara	Jumlah (RM)
Pendapatan	304,437,466.00
Perbelanjaan	259,017,503.00

- (a) Jumlah harta baharu yang mula dikenakan cukai taksiran pada tahun 2024 adalah sebanyak 6,650 unit pegangan.
- (b) Senarai Nilai Baru 2025 telah memberi peningkatan hasil cukai taksiran sebanyak RM10,757,643.63 berbanding sebelumnya dan seterusnya memberi impak ke atas peningkatan pendapatan tahunan MBSP.
- (c) Jumlah tunggakan cukai taksiran semasa sehingga 22 Oktober 2024 adalah berjumlah RM30,568,768.00 dan tindakan tuntutan yang telah dilaksanakan oleh MBSP adalah seperti berikut:
 - (i) Mengadakan promosi bayaran cukai taksiran dan cabutan bertuah;
 - (ii) Penyerahan waran tahanan;
 - (iii) Penyerahan kes kepada pemungut hutang;
 - (iv) Penyerahan kes kepada pasukan khas MBSP;
 - (v) Mengadakan klinik tunggakan cukai; dan
 - (vi) Serahan kes kepada Jabatan Undang-undang untuk diambil tindakan perundangan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

9. Huraikan pendapatan dan perbelanjaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tahun semasa.
- (a) Nyatakan jumlah harta baru yang mula dikenakan cukai taksiran pada tahun 2024.
 - (b) Huraikan impak kenaikan emolumen kepada perbelanjaan MBPP pada tahun 2025.
 - (c) Huraikan pendapatan bukan cukai taksiran bagi tahun 2024 dan unjuran tahun 2025.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pendapatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah merangkumi hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil manakala perbelanjaan MBPP pula melibatkan perbelanjaan belanja mengurus, perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan harta modal. Pendapatan dan perbelanjaan MBPP tahun semasa (sehingga 30 September 2024) adalah seperti berikut:

Perkara	Jumlah (RM)
Pendapatan	369,992,987.73
Perbelanjaan	244,101,117.41

- (a) Jumlah harta baharu yang mula dikenakan cukai taksiran pada tahun 2024 adalah sebanyak 3,693 unit pegangan.
- (b) Selaras pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pelarasan gaji penjawat awam melalui pelaksanaan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Disember 2024 yang menyaksikan kira-kira 1.6 juta penjawat awam mendapat pelarasan gaji baharu selepas kali terakhir disemak pada tahun 2013, MBPP juga turut tidak terkecuali dalam urusan pelarasan gaji tersebut. Pelaksanaan pelarasan gaji ini memberi impak kenaikan emolumen secara langsung kepada perbelanjaan MBPP pada tahun 2025 iaitu berjumlah RM15.0 juta. Perbelanjaan ini melibatkan keseluruhan perjawatan di MBPP berjumlah 3,630 yang merangkumi 3,458 kakitangan tetap dan 172 orang kakitangan kontrak. Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan bagi emolumen ini mewakili 43.33% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tahun 2025.
- (c) Pendapatan bukan cukai taksiran di MBPP adalah terdiri daripada Lesen dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan dari Jualan Barang, Sewaan, Faedah dan Perolehan dari Pelaburan, Denda dan Hukuman dan Pelbagai Terimaan. Berdasarkan anggaran hasil bukan cukai taksiran bagi tahun 2024 dan unjuran tahun 2025, hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan dijangka mengalami peningkatan yang ketara iaitu daripada RM56,482,300.00 kepada RM74,336,900.00 manakala hasil daripada Pelbagai Terimaan pula dijangka mengalami penurunan yang ketara iaitu daripada RM67,000.00 kepada RM23,000.00. Hasil-hasil lain seperti Lesen dan Permit dan Sewaan dijangka mengalami sedikit penurunan. Faedah dan Perolehan dari Pelaburan, Denda dan Hukuman pula dijangka mengalami sedikit peningkatan. Perincian pendapatan bukan cukai taksiran bagi anggaran hasil tahun 2024 dan unjuran tahun 2025 adalah seperti berikut:

BIL	HASIL BUKAN CUKAI	ANGGARAN HASIL 2024 (RM)	ANGGARAN HASIL 2025 (RM)
1	Lesen dan Permit	13,423,240.00	13,077,160.00
2	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	56,482,300.00	74,336,900.00
3	Perolehan dari Jualan Barang	387,500.00	515,970.00
4	Sewaan	20,470,624.00	20,316,281.00
5	Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	19,208,000.00	20,180,000.00
6	Denda dan Hukuman	11,255,200.00	11,330,200.00
7	Pelbagai Terimaan	67,000.00	23,000.00
JUMLAH		121,293,864.00	139,779,511.00

** Pendapatan bukan cukai taksiran bagi tahun 2024 adalah merupakan anggaran dan bukan jumlah sebenar memandangkan tempoh akaun tahun semasa masih belum berakhir*

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

10. Senaraikan kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari Januari 2024 hingga Oktober 2024.
- (a) Huraikan pencapaian pelaksanaan SPEED.
 - (b) Huraikan status pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran.
 - (c) Senaraikan tindakan perobohan bangunan tanpa kebenaran sepanjang tahun 2024.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Senarai kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari Januari 2024 sehingga Oktober 2024 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) *Seberang Perai Express and Effective Development (SPEED)* adalah merupakan satu inisiatif bagi pengeluaran kelulusan pelan pemajuan, tempoh pembinaan, pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* dan pemberian lesen secara pantas. Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan antara pelabur dan MBSP dalam memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya kelulusan dapat diberikan mengikut garis masa yang telah ditetapkan tanpa kelewatan. SPEED ini juga adalah merupakan salah satu inisiatif MBSP bersama pihak Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah program *Ease of Doing Business* di mana MBSP terpilih sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) rintis bagi Pelaksanaan Inisiatif Cadangan Penambahbaikan dan Pengukuhan Kecekapan Proses serta Prosedur Kelulusan Pelan Pemajuan. Sebanyak sepuluh (10) permohonan SPEED telah diterima dan diluluskan yang merangkumi kategori perindustrian sebanyak lapan (8) projek, asrama pekerja sebanyak satu (1) projek dan perumahan sebanyak satu (1) projek. Sehingga kini, pencapaian pelaksanaan SPEED ini telah memberi kemasukan jumlah pelaburan atau *Gross Development Value* (GDV) sebanyak RM11.9 bilion dengan keluasan tapak yang dibangunkan adalah sebanyak 250 ekar. Selain itu, bilangan peluang pekerjaan yang dijangka akan dijana adalah lebih 2000 peluang pekerjaan di kawasan pelaksanaan SPEED ini.

- (b) Status pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran yang dilaksanakan oleh MBSP adalah masih di peringkat proses pengumpulan dan pengemaskinian maklumat-maklumat program pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran. Kertas mesyuarat untuk program pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran ini dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengindahan MBSP pada bulan Disember 2024.
- (c) Senarai tindakan penguatkuasaan perobohan binaan tanpa kebenaran yang dilaksanakan oleh MBSP sepanjang tahun 2024 adalah seperti di **Lampiran B**.

SENARAI KELULUSAN PERMOHONAN PELAN KEBENARAN MERANCANG (PKM) DAN PELAN BANGUNAN (PB) DI MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) DARI JANUARI 2024 SEHINGGA OKTOBER 2024

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
1.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TUKARGUNA DAN TAMBAHAN BAGI 1 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT SEDIADA (NO.48) DI ATAS LOT 25448 KEPADA TASKA, JALAN PERNIAGAAN SERI BERTAM, TAMAN BERTAM FLORA MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN : TASKA HOLISTIK GEMILANG (5.508741, 100.4392)</p>	OSC LULUS PADA 24 JANUARI 2024	24/01/2024	SEBERANG PERAI UTARA
2.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TUKARGUNA DAN TAMBAHAN BAGI 1 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT SEDIADA (NO.46) DI ATAS LOT 25449 KEPADA TADIKA, JALAN PERNIAGAAN SERI BERTAM, TAMAN BERTAM FLORA MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN : TADIKA HOLISTIK GEMILANG (5.508741, 100.4392)</p>	OSC LULUS PADA 24 JANUARI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
3.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN SEKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI:-</p> <p>A. 46 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT B. 2 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT C. 1 UNIT DEWAN ORANG RAMAI</p> <p>DI ATAS LOT 965, MUKIM 6, BERTAM, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN : BILLION SITE SDN. BHD. (5.528597, 100.4589)</p>	OSC LULUS PADA 8 FEBRUARI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA
4.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN BAGI 1 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT SEDIA ADA DI ATAS LOT 3165 DAN 3166 NO.80 JALAN MERANTI TAMAN MERANTI INDAH BAGAN AJAM MUKIM 9 SEBERANG PERAI UTARA.</p> <p>UNTUK: TETUAN CHEAH TSUI FONG DAN POH BAN LONG (5.447076, 100.384008)</p>	OSC LULUS PADA 22 FEBRUARI 2024	22/02/2024	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
5.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN 1 BLOK RUMAH MAMPU MILIK 32 TINGKAT 373 UNIT (950 KP/UNIT) HAK MILIK STRATA YANG MENGANDUNGI:</p> <p>A. TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT (TINGKAT 1 – 6) B. 1 UNIT DEWAN ORANG RAMAI C. 1 UINT PEJABAT PENGURUSAN D. 1 UNIT KOLAM RENANG DAN KAWASAN LAPANG E. 1 UNIT GIMNASIUM F. 1 UNIT SURAU G. 1 UNIT TADIKA H. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB I. 1 UNIT PONDOK PENGAWAL J. 1 UNIT PUSAT PENGUMPULAN SAMPAH K. 1 UNIT KEDAI (ARAS BAWAH)</p> <p>DI ATAS LOT 3675 JALAN HARBOUR PLACE SEKSYEN 4 DAERAH SEBERANG PERAI UTARA BUTTERWORTH PULAU PINANG</p> <p>UNTUK: TETUAN PJD EASTERN LAND SDN. BHD. (5.395324, 100.372093)</p>	OSC LULUS PADA 22 FEBRUARI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
6.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENUKAR KEGUNAAN BANGUNAN KEDIAMAN RUMAH TERES 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK DI ATAS LOT 8393 NO. 1 LORONG BENTARA 5, BERTAM PERDANA MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA PULAU PINANG</p> <p>UNTUK TETUAN : PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK KHALIFAH INTELEK (5.534191, 100.467676)</p>	OSC LULUS PADA 22 FEB 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA
7.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN</p> <p>FASA 1 A. 12 UNIT KEDAI SESEBUAH (ZERO LOT) 3 TINGKAT B. 4 UNIT KEDAI BERKEMBAR 3 TINGKAT C. 3 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB (JENIS PADAT)</p> <p>FASA 2 KEMAJUAN ,MASA HADAPAN (PERNIAGAAN) DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 10092 JALAN RAJA UDA SEKSYEN 3 BANDAR BUTTERWORTH DAERAH SEBERANG PERAI UTARA PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK: TETUAN JAYAMAS MALL SDN. BHD. (5.421365, 100.382649)</p>	OSC LULUS PADA 7 MAC 2024	07/03/2024	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
8.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN YANG MENGANDUNGI:</p> <p>FASA 1 :- A. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB</p> <p>FASA 2 :- A. 1 UNIT KILANG 2 TINGKAT B. 1 UNIT KILANG BERSERTA GUDANG 1 TINGKAT C. 1 UNIT BANGUNAN KEMUDAHAN SERTA PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT</p> <p>FASA 3 :- A. 1 UNIT GUDANG 2 TINGKAT B. 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 2 TINGKAT C. 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT D. 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT E. 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT F. 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT G. 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT</p> <p>FASA 4 :- A. 1 UNIT BANGUNAN PEJABAT PENGURUSAN 7 TINGKAT</p> <p>FASA 5 :- A. 1 UNIT GUDANG 2 TINGKAT B. 1 UNIT GUDANG 1 TINGKAT</p>	OSC LULUS PADA 21 MAC 2024 + C1	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>FASA 6 :- A. 1 UNIT KILANG 2 TINGKAT B. 1 UNIT KILANG BERSERTA GUDANG 1 TINGKAT</p> <p>FASA 7 :- TEMPAT LETAK KENDERAAN</p> <p>3 PELOT KEMAJUAN MASA HADAPAN (INDUSTRI)</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 12453 (PLOT 138), JALAN TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR, MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN : INV NEW MATERIAL TECHNOLOGY (M) SDN. BHD. (5.531809, 100.489900)</p>			
9.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN LALUAN KELUAR/MASUK PINTU GERBANG DAN PONDOK PENGAWAL DI KONDOMINIUM CASSIA BLOK B DI ATAS LOT 178, SEKSYEN 2, BANDAR BUTTERWORTH, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>TETUAN PERBADANAN PENGURUSAN KONDOMINIUM CASSIA BLOK B (5.425944, 100.381139)</p>	OSC LULUS PADA 21 MAC 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
10.	<p>RAYUAN UNTUK TIDAK MENYEDIAKAN LORONG BELAKANG SEBANYAK 20 KAKI DAN MENGEKALKAN CADANGAN 22 UNIT RUMAH KLUSTER 1 TINGKAT DI ATAS LOT 24816 MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK : TETUAN HARTANAH ANGGUN INOVASI SDN. BHD. (5.516531, 100.495182)</p>	<p>OSC LULUS RAYUAN PADA 4 APRIL 2024, OSC LULUS PADA 8 FEB 2024</p>	<p>BELUM DIKEMUKAKAN</p>	<p>SEBERANG PERAI UTARA</p>
11.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA 1 UNIT MEDAN SELERA 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4001, JALAN PENGKALAN MACHANG, MUKIM 16, SEBERANG PERAI UTARA.</p> <p>TETUAN SUNRACE (M) SDN. BHD. (5.438417, 100.429250)</p>	<p>OSC LULUS PADA 4 APRIL 2024</p>	<p>BELUM DIKEMUKAKAN</p>	<p>SEBERANG PERAI UTARA</p>
12.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN YANG TERDIRI DARIPADA :-</p> <p>FASA 1 A. 1 TAPAK KAWASAN TADAHAN AIR B. 1 TAPAK TANGKI AIR C. 1 TAPAK LOJI KUMBAHAN</p>	<p>OSC LULUS PADA 22 APRIL 2024</p>	<p>BELUM DIKEMUKAKAN</p>	<p>SEBERANG PERAI UTARA</p>

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 21328 (LOT LAMA 15641), JALAN KUBANG MENERONG, MUKIM 12, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN MAPLE MEADOW SDN. BHD. (5.505959, 100.497345)</p>			
13.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA KILANG PEJABAT BERKEMBAR 3 TINGKAT SEDIA ADA DI ATAS LOT 10117 SEKSYEN 3 BANDAR BUTTERWORTH SEBERANG PERAI UTARA.</p> <p>UNTUK: TETUAN BNQ ENGINEERING SDN. BHD. (5.411028, 100.380278)</p>	OSC LULUS PADA 22 APRIL 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA
14.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT STESEN MINYAK DAN 3 UNIT RUANG KEDAI 2 TINGKAT DI ATAS LOT 10011, SEKSYEN 2, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA.</p> <p>TETUAN FIPAC HOLDINGS (M) SDN. BHD. (5.418713, 100.380040)</p>	OSC LULUS PADA 9 MEI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
15.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG CADANGAN MEROBOH BANGUNAN KANTIN DAN BANGSAL SEDIA ADA DAN MEMBINA</p> <p>(1) 1 UNIT GUDANG 1 TINGKAT (2) 1 UNIT KANTIN 1 TINGKAT (3) 1 UNIT BILIK PAM DAN TANGKI BOMBA (4) 1 UNIT PUSAT PENGUMPULAN SAMPAH</p> <p>DI ATAS LOT 2939-2941, 2946-2954 & 2978-2980, LORONG PERUSAHAAN SUNGAI LOKAN 6, TAMAN PERUSAHAAN SUNGAI LOKAN, MUKIM 16, SPU.</p> <p>PINDAAN PELAN BIL.(16A)DLM.MBSP/70/30-16/23 BAH.1 BERTARIKH 10.2.2022</p> <p>UNTUK TETUAN : TETUAN SWIFT INTEGRATED LOGISTICS SDN. BHD. (5.432436, 100.409231)</p>	OSC LULUS PINDAAN PELAN PADA 23 MEI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA
16.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI YANG MENGANUNGI:</p> <p>FASA 1: I. 2 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB II. 3 UNIT TNB COMPACTSUBSTATION III. KOLAM TAKUNGAN AIR</p>	OSC LULUS PINDAAN PELAN PADA 9 MEI 2024 + C1, OSC LULUS PADA 5 OKTOBER 2022	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>IV. REZAB UTILITI TNB (3M)</p> <p>FASA 2: I. UNIT PENCAWANG PEMBAHAGIAN UTAMA TNB 33KV</p> <p>FASA 3: I. 1 UNIT TANGKI AIR</p> <p>FASA 4: I. 1 UNIT RUMAH PAM (LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN)</p> <p>FASA 5: I. 26 UNIT PELOT INDUSTRI RINGAN II. 55 UNIT PELOT INDUSTRI SEDERHANA III. 1 UNIT PENCAWANG MASUK UTAMA TNB IV. 1 UNIT TAPAK TERMINAL KENDERAAN BERAT V. 1 UNIT TAPAK MENARA TELEKOMUNIKASI</p> <p>FASA 6: I. 1 UNIT PENCAWANG PEMBAHAGIAN UTAMA TNB 33KV</p> <p>DI ATAS LOT 12, 13, 14, 15, 16, 17, 1676, 1929, 11454 DAN 20134, MUKIM 3, PERSIARAN PERINDUSTRIAN BERTAM PERDANA, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG SECARA SERENTAK DENGAN PERMOHONAN PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA (SEKSYEN 204D, KANUN TANAH NEGARA).</p>			

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>PINDAAN KEPADA PELAN KEBENARAN MERANCANG RUJUKAN BIL.(54A)DLM.MBSP/70/30-3/3 BERTARIKH 27.07.2023</p> <p>UNTUK TETUAN : MUJUR SINARJAYA SDN. BHD. (5.545666, 100.489370)</p>			
17.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PROJEK SKIM PERUMAHAN YANG TERDIRI DARIPADA :</p> <p>FASA 1</p> <ul style="list-style-type: none"> A. 1 TAPAK LOJI KUMBAHAN BERPUSAT B. 1 TAPAK KOLAM TADAHAN BERPUSAT C. 1 TAPAK PASAR AWAM & KOMPLEKS PENJAJA (125 UNIT GERAI) D. 1 TAPAK STESYEN MINYAK E. 1 TAPAK TANGKI AIR F. 1 TAPAK MASJID & KUBUR G. 1 TAPAK PENCAWANG TELEKOMUNIKASI H. 1 TAPAK PPU I. 1 UNIT PENCAWANG PADAT (COMPACT SUBSTATION) <p>FASA 2</p> <ul style="list-style-type: none"> A. 500 UNIT RUMAH PANGSAPURI KOS RENDAH 680KP (14 TKT) SERTA TADIKA, DEWAN DAN 1 BLOK TEMPAT LETAK KENDERAAN (3 TKT) 	OSC LULUS PADA 9 MEI 2024 + SPC	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>B. 1 TAPAK SURAU C. 1 TAPAK BALAI POLIS D. 1 SETOR PEMBERSIHAN MBSP</p> <p>FASA 3 A. 415 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT (TERMASUK 4 UNIT PELBAGAI GUNA) B. 20 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT C. 1 TAPAK SEKOLAH D. 1 TAPAK PERPUSTAKAAN E. 2 TAPAK PENCAWANG TNB F. 1 TAPAK SURAU G. 1 TAPAK DEWAN</p> <p>FASA 4 A. 324 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT (TERMASUK 3 UNIT PELBAGAI GUNA) B. 70 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT C. 1 TAPAK SURAU D. 1 TAPAK DEWAN E. 1 TAPAK PENCAWANG TNB</p> <p>FASA 5 A. 194 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT (TERMASUK 2 UNIT PELBAGAI GUNA) B. 95 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT C. 1 TAPAK SURAU</p>			

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>D. 1 TAPAK DEWAN E. 1 TAPAK PENCAWANG TNB & 2 PENCAWANG PADAT (COMPACT SUBSTATION)</p> <p>FASA 6 A. 305 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT (TERMASUK 3 UNIT PELBAGAI GUNA) B. 1 TAPAK SURAU C. 1 TAPAK PENCAWANG TNB</p> <p>FASA 7 A. 323 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT (TERMASUK 3 UNIT PELBAGAI GUNA) B. 1 TAPAK DEWAN</p> <p>KEMAJUAN MASA HADAPAN (KMH) A. KMH 1 (KEDIAMAN) B. KMH 2 (KEDIAMAN) C. KMH 3 (KEDIAMAN) D. KMH 4 (KEDIAMAN) E. KMH 5 (KEDIAMAN -RMM)</p> <p>DI ATAS LOT 25438 & LOT 421 MUKIM 6 DAN LOT 20532 (LOT LAMA 2587) MUKIM 8, PONGSU SERIBU, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN : PERDA VENTURES INCORPORATED SDN. BHD. (5.503692, 100.455241)</p>			

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
18.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN SKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI:</p> <p>FASA 1</p> <p>A) 1 UNIT TASKA/TADIKA B) 1 UNIT SURAU 1 TINGKAT C) 1 UNIT DEWAN SERBAGUNA 1 TINGKAT</p> <p>FASA 2</p> <p>A) 141 UNIT RUMAH KLUSTER KOS RENDAH 2 TINGKAT B) 1 UNIT PENCAWANG TNB (SINGLE CHAMBER)</p> <p>FASA 3</p> <p>A) 20 UNIT RUMAH TERES KLUSTER 2 TINGKAT</p> <p>FASA 4</p> <p>A) 46 UNIT RUMAH KLUSTER KOS RENDAH 2 TINGKAT B) 1 UNIT TNB COMPACT SUB</p> <p>FASA 5</p> <p>A) 62 UNIT RUMAH KLUSTER KOS RENDAH 2 TINGKAT</p> <p>DI ATAS LOT 524, 525, 526, 527, 3418 & 4977 MUKIM 3 KEPALA BATAS SEBERANG PERAI UTARA PULAU PINANG SECARA SERENTAK DENGAN PERMOHONAN PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA DI BAWAH SEKSYEN 204D, KANUN TANAH NEGARA.</p> <p>UNTUK: TETUAN BERTAM PROPERTIES SDN. BHD. (5.547767, 100.473070)</p>	OSC LULUS PADA 9 MEI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
19.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT KILANG SETINGKAT DAN PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS LOT 15629, LORONG ASAS TANI 3, MUKIM 12, SEBERANG PERAI UTARA.</p> <p>TETUAN JURU DEVELOPMENT SDN. BHD. (5.502265,100.496500)</p>	OSC LULUS PADA 9 MEI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA
20.	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PELEBARAN SIMPANAN JALAN DARIPADA 66' KEPADA 132' DI ATAS SEBAHAGIAN LOT-LOT 24196-24202, 24231-24241, 24248, 12792 & DI ATAS SEBAHAGIAN SIMPANAN JALAN, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN : SETIA FONTAINES SDN. BHD. (5.517296, 100.4600)</p>	OSC LULUS PADA 23 MEI 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA
21.	<p>PEMAKLUMAN SYARAT TAMBAHAN SELEPAS KEPUTUSAN LEMBAGA RAYUAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENUKAR KEGUNAAN BANGUNAN KEDIAMAN KEPADA TADIKA UNTUK RUMAH TERES 2 TINGKAT SEDIA ADA NO.1 (LOT 21758) PERSIARAN SEKSYEN 5/15, BANDAR PUTERA BERTAM, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN : TADIKA MENARA ILMU (5.518005, 100.486095)</p>	OSC LULUS PEMAKLUMAN SYARAT TAMBAHAN KEPUTUSAN LEMBAGA RAYUAN PADA 6 JUN 2024, OSC LULUS PADA 21 MEI	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
		2021		
22.	<p>RAYUAN UNTUK MEMBAYAR SUMBANGAN KEWANGAN BAGI MENGGANTIKAN PENYEDIAAN RUMAH KOS RENDAH BAGI SEKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI :</p> <p>FASA 1</p> <p>A. 468 UNIT RUMAH KOS RENDAH 2 TINGKAT “TOWN HOUSE” HAK MILIK STRATA (650KP /UNIT) DENGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT (DEWAN ORANG RAMAI TADIKA / PEJABAT PENGURUSAN DAN PONDOK PENGAWAL)</p> <p>B. TAPAK LOJI KUMBAHAN</p> <p>C. 1 TAPAK PPU</p> <p>D. 2 UNIT PENCAWANG TNB</p> <p>E. 1 TAPAK SEKOLAH</p> <p>F. 1 UNIT SURAU</p> <p>G. 1 TAPAK PENJAJA DAN PASAR</p> <p>H. 1 UNIT SETOR MBSP</p> <p>FASA 2</p> <p>A. 188 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS A (TERMASUK 3 UNIT PELBAGAI GUNA)</p> <p>B. 184 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS B (TERMASUK 2 UNIT PELBAGAI GUNA)</p> <p>C. 41 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS C</p>	OSC LULUS RAYUAN MEMBAYAR SUMBANGAN PADA 6 JUN 2024, OSC LULUS PADA 22 FEB 2024	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>(TERMASUK 1 UNIT PELBAGAI GUNA)</p> <p>D. 1 UNIT DEWAN ORANG RAMAI E. 1 UNIT SURAU F. 2 UNIT PENCAWANG TNB</p> <p>FASA 3</p> <p>A. 77 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT B. 1 UNIT PENCAWANG TNB PADAT</p> <p>FASA 4</p> <p>A. 40 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT B. 1 UNIT PENCAWANG TNB</p> <p>FASA 5</p> <p>A. 144 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS A (TERMASUK 2 UNIT PELBAGAI GUNA) B. 242 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS B (TERMASUK 4 UNIT PELBAGAI GUNA) C. 34 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT D. 1 TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM E. 1 UNIT PENCAWANG TNB</p> <p>FASA 6</p> <p>A. 290 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS A (TERMASUK 3 UNIT PELBAGAI GUNA) B. 204 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS B (TERMASUK 2 UNIT PELBAGAI GUNA)</p>			

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
	<p>C. 1 UNIT PENCAWANG TNB FASA 7 A. 157 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS B B. 1 UNIT PENCAWANG TNB</p> <p>FASA 8 A. 3 TAPAK KEMAJUAN MASA HADAPAN (PERNIAGAAN) (KMH 1,2 & 3)</p> <p>DI ATAS LOT 1640, JALAN ARA KUDA, MUKIM 13, SEBERANG PERAI UTARA.</p> <p>UNTUK : TETUAN QUALIFIED MANAGEMENT CONSORTIUM SDN. BHD. (5.446399, 100.509227)</p>			
23.	<p>RAYUAN UNTUK MEMBAYAR SUMBANGAN KEWANGAN BAGI MENGGANTIKAN PENYEDIAAN RUMAH KOS RENDAH BAGI SEKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI :</p> <p>FASA 1 A. 704 UNIT UNIT RUMAH KOS RENDAH 2 TINGKAT "TOWN HOUSE" HAK MILIK STRATA (650KP /UNIT) DENGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT. (DEWAN ORANG RAMAI TADIKA / PEJABAT PENGURUSAN , SURAU DAN PONDOK PENGAWAL) B. TAPAK MASJID C. 1 TAPAK SEKOLAH</p>	OSC LULUS RAYUAN MEMBAYAR SUMBANGAN PADA 6 JUN 2024, OSC LULUS PADA 27 JAN 2022	BELUM DIKEMUKAKAN	SEBERANG PERAI UTARA

LAMPIRAN A

BIL.	TAJUK	TARIKH LULUS PKM	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	DAERAH
